

21 JAN 1997

Mahathir-Multimedia

MSC AKAN MEMBAWA KESAN DAN PELUANG KEPADA RAKYAT MALAYSIA

Oleh: K.C Leong

TOKYO, 21 Jan (Bernama) -- Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memberi kesan kepada kehidupan setiap rakyat Malaysia dan juga membuka peluang-peluang baru bagi mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, adalah penting bahawa projek berteknologi tinggi bernilai berjuta-juta ringgit itu dilaksanakan sekarang kerana beban kerja kerajaan telah bertambah begitu banyak sekali sehinggakan "jika kita tidak mengkomputerkan pentadbiran, kita (kerajaan) tidak akan dapat menjalankan fungsi kita".

Beliau berkata demikian kepada pemberita Malaysia di peringkat akhir lawatan 10 hari ke California di Amerika Syarikat dan Jepun untuk mempromosi MSC di kalangan syarikat-syarikat terunggul dalam multi-media, teknologi maklumat dan industri hiburan.

Dr Mahathir yang juga mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kepada MSC yang mempunyai 30-anggota semasa lawatan itu, menyatakan lawatan itu sebagai berjaya dan ia telah mendapat respon yang memberangsangkan.

Dr Mahathir memulakan misi beliau di Los Angeles dengan mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil industri hiburan -- komponen penting dalam multimedia -- sebelum bertolak ke Universiti Stanford di tengah-tengah Lembah Silikon untuk mesyuarat IAP dan juga untuk menemui nama-nama terunggul dalam industri IT. Beliau tiba di sini pada Ahad untuk bertemu dengan eksekutif syarikat-syarikat utama Jepun dalam industri IT.

Dr Mahathir yang berkata, beliau telah menerima pandangan yang baik, nasihat dan komen daripada orang-orang yang ditemuinya semasa lawatan itu dan berharap semua pihak yang terbabit termasuk kerajaan negeri Selangor, pemilik-pemilik tanah dan kakitangan kerajaan akan memberi kerjasama untuk mempercepatkan pembangunan MSC.

"Semua rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada MSC, sama ada pekerja, mahir ataupun tidak mahir, pembekal barangan dan perkhidmatan ataupun yang lain," kata beliau lagi. "Banyak peluang akan wujud dengan membangunkan MSC."

Dr Mahathir berkata, dunia kini berada di ambang perubahan daripada Era Perindustrian kepada Era Maklumat dan kejayaan negara serta rakyatnya akan terbantut jika mereka tidak mengejar Era Maklumat ini.

Beliau berkata, walaupun kerajaan telah mengubah Malaysia dengan jayanya daripada sebuah negara yang berasaskan kepada ekonomi pertanian kepada ekonomi berasaskan industri dengan kadar pengangguran paling rendah," kita tidak boleh mengetepikan pembangunan dalam Teknologi Maklumat ini.

Jika rakyat Malaysia tidak menceburi dengan aktif aktiviti Era Maklumat, mereka mungkin ketinggalan daripada segi cara hidup mereka, pendapatan mereka dan juga pertumbuhan intelektual.

"Sebagai sebuah negara yang mahukan kemajuan dalam semua bidang, kita tidak boleh mengetepikan pembangunan dalam bidang Teknologi Maklumat kerana jika kita berbuat demikian negara tidak akan maju lagi dan rakyat akan terus ketinggalan dalam semua bidang serta pendapatan mereka tidak akan meningkat," kata beliau.

"Kita mahu pendapatan mereka bertambah, menikmati kehidupan yang lebih baik dan apa yang kita cuba buat di MSC pasti akan mempengaruhi semua rakyat Malaysia".

Walaupun buat masa ini pembangunan seperti itu hanya terhad di MSC ini kerana kerajaan menggunakannya sebagai tapak ujian untuk menentukan pembangunan yang mana sesuai atau di sebaliknya sebelum mengembangkannya ke seluruh negara.

Pendekatan ini penting supaya mana-mana aspek projek itu yang tidak sesuai dapat diatasi sebelum dibawa ke bahagian-bahagian lain negara, kata Dr Mahathir lagi.

Perdana Menteri juga berkata, beban kerja kerajaan semakin banyak dan oleh sebab itu ia mahu memperkenalkan sistem pentadbiran elektronik, satu daripada tujuh penggunaan utama dalam fasa pertama pembangunan MSC.

Beliau berkata, sebagai contoh pengeluaran pasport dan visa yang mana pada masa dahulu hanya beberapa orang sahaja ke luar negeri tetapi bilangan itu kini telah meningkat 16 juta orang setiap tahun.

"Jikapun kita menganggap hanya suku daripada bilangan itu yang pergi ke luar negeri, kerajaan terpaksa mengeluarkan pasport dan visa kepada empat juta orang dan bilangan itu tidak termasuk pelawat-pelawat asing yang turut memohon visa dan sebagainya..," kata beliau.

"Beban tugas kerajaan telah meningkat begitu banyak sehinggakan jika kita tidak mengkomputerkan perkhidmatan, kita mungkin tidak dapat melaksanakan tanggungjawab kita, kecuali jika anda menggajikan separuh daripada rakyat negara ini sebagai kakitangan kerajaan bagi mengeluarkan lesen kepada separuh lagi."

Ditanya sama ada beliau puas hati dengan aspek keselamatan "smart card", satu lagi daripada tujuh penggunaan utama dalam MSC, Dr Mahathir berkata kerajaan bimbang akan perkara itu walaupun buat masa ini dikatakan teknologi untuk memastikannya boleh didapati.

"Tetapi kita tidak boleh mengabaikan kebijaksanaan mereka yang tidak jujur kerana mereka juga mempunyai teknologi. Terdapat orang-orang yang menceroob sistem komputer orang lain dan kami juga tertanya-tanya sama ada mereka akan menceroob smart card (sistem)," kata beliau lagi.

Ditanya sama ada smart card yang akan menjadi kad pengenalan tambahan, kad kredit, kad dengan nilai tertentu, kad keanggotaan kelab dan kad bagi kegunaan urusan elektronik dengan kerajaan akan dikeluarkan mulai tahun depan, beliau berkata kerajaan akan cuba berbuat demikian dalam tempoh masa itu.

Bagaimanapun kata beliau, seseorang individu perlu membuat banyak urusan dalam kehidupan sehariannya dan oleh itu buat permulaan ia akan digunakan terutamanya bagi urusan komersil dan bukan sebagai kad pengenalan seseorang walaupun ia mempunyai ciri-ciri kad pengenalan.

Beliau juga berkata, sekurang-kurangnya dua syarikat Malaysia telah merekabentuk smart card yang boleh membawa banyak data dan mengendalikan banyak urusan bagi semua tujuan. -- BERNAMA.

KCL PR